

16/02/2005

Kematian Hariri kerugian besar bagi dunia Arab

Oleh Wan Jailani Razak; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Malaysia melahirkan rasa terkejut dan simpatinya berikutan kematian bekas Perdana Menteri Lubnan, Rafik Hariri dalam satu serangan bom kereta dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan ganas itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menyifatkan kematian Hariri itu sebagai satu kehilangan besar bukan saja kepada Lubnan tetapi jdunia Arab.

"Sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri, Lubnan sudah menikmati kemajuan dan kemakmuran yang luar biasa," katanya dalam perutusan takziah kepada rakan sejawatnya dari Lubnan, Omar Abdel Hamid Karame.

Menurut laporan, Hariri terbunuh dalam satu letupan kuat daripada sebuah kereta di ibu negara Lubnan tengah hari semalam. Selain bekas pemimpin itu, sembilan orang lagi turut terkorban.

Dalam perutusan itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), melahirkan rasa sedih dan mengucapkan takziah kepada kerajaan dan rakyat Lubnan bagi pihak kerajaan serta rakyat Malaysia.

"Saya juga mengucapkan takziah dan berdoa agar keluarga Rafik Hariri dapat bersabar di saat-saat yang sedih ini," katanya.

Hariri melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri Lubnan, Oktober tahun lalu selepas memimpin negara itu keluar daripada perang saudara yang berlarutan di negara berkenaan sepanjang tempoh antara 1975 dan 1990.

Sebelum ini, beliau pernah melawat Malaysia beberapa kali.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menyifatkan kematian Hariri sebagai kehilangan yang amat dirasai bukan saja oleh rakyat Lubnan tetapi kerajaan dan rakyat Malaysia kerana beliau adalah sahabat akrab negara ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, Malaysia berharap kematian Hariri tidak akan menyebabkan negara itu sekali lagi terjerumus ke kancah perang saudara yang menyaksikan kehilangan nyawa dan harta benda yang begitu dahsyat sebelum ini.

"Kita tetap mengenang jasa beliau sebagai seorang yang berjaya dalam proses pemulihan Beirut dan membawa kepada kestabilan Lubnan. Saya berharap kematian beliau tidak akan membuka satu fasa baru konflik dalaman di Lubnan.

"Justeru, kita berharap semua pihak bersikap waras dan rasional. Cara menghargai jasa Hariri ialah meneruskan apa yang dilakukan beliau iaitu memupuk perpaduan dan meneruskan pembangunan Beirut dan Lubnan," katanya kepada pemberita selepas menandatangani buku ucapan takziah di Kedutaan Lubnan di sini, semalam.

Ketibaan Najib disambut Duta Besar Lubnan ke sini, Khaled Al Kilani, dan Setiausaha Pertama Konsulnya, Giscard El Khoury.

Turut berkunjung menandatangani buku takziah itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal.

Suasana muram di bangunan kedutaan Lubnan itu bertukar hiba apabila bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, hampir menitiskan air mata ketika ditemui pemberita selepas menandatangani buku takziah itu.

"Kawan... dia kawan saya...", kata Dr Mahathir dengan suara tersekat-sekat dan sebak sambil sedaya upaya menahan daripada menangis dengan mengetapkan bibirnya seolah-olah mengharapkan wartawan tidak terus mengajukan soalan.

Ditanya apakah kematian Hariri adalah satu kehilangan besar, beliau yang kelihatan semakin sebak berkata: "Ya... bagi diri saya".

Dr Mahathir yang sememangnya amat akrab dengan Hariri berharap kejadian ganas di Lubnan tidak akan berlanjutan dan negara itu kembali aman.

(END) Source : Berita Harian